

ARLIMEN MALAYSIA

M1—
DEWAN
RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA P
ARLIMEN KEDUABELAS 2010

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian

HARI ISNIN: 7 JUN 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

A

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

[SOALAN NO: 5 HINGGA NO: 59]

SO ALAN NO:38 DIJAWAB SEKALIDENGAN SOALAN NO: 2

SOALAN NO:59 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN No:1

SOALAN NO: 15 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO: 4

SOALAN No: 23,51,55 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO: 30

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO: 1 HINGGA NO: 4

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

\

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN DATUK SAPAWI BIN HAJI
TARIKH AHMAD
 07.06.2010 (ISNIN)

NO. SOALAN

DATUK SAPAWI BIN ⁰⁵ HAJI AHMAD minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan keberkesanan Kempen Kurangkan Pengambilan Gula.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kempen Kurangkan Pengambilan Gula dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengguna mengenai bahaya dan risiko pengambilan gula yang berlebihan terhadap kesihatan mereka. Kempen yang dijalankan ini juga akan memberikan pengguna pemahaman untuk mengamalkan cara hidup yang sihat melalui pemakanan yang seimbang.

Melalui kajian awal yang telah dijalankan pada Januari 2010, kempen ini telah memberi kesedaran kepada pengguna berkaitan bahaya pengambilan gula kepada kesihatan dan pengguna telah mula mengubah corak pengambilan gula harian mereka. Berdasarkan keputusan kajian awal terhadap 18,571 responden yang terdiri daripada penduduk bandar dan luar bandar di seluruh negara, sebanyak 83% responden bersetuju bahawa kempen ini telah membantu memberi kesedaran tentang bahaya pengambilan gula secara berlebihan dan sebanyak 82% bertekad untuk mengurangkan pengambilan gula dalam diet sehariannya mereka.

Untuk makluman, Kempen Kurangkan Pengambilan Gula ini masih lagi berjalan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan satu kajian menyeluruh akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengkaji keberkesanan kempen ini pada bulan Jun ini.

NO. SOALAN:

6 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH 7 JUN 2010

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Apakah benar bahawa PETRONAS telah menghentikan jualan gas kepada Republik Islam Iran pada awal tahun ini; dan
- (b) Kalau benar apakah tujuan dagangan tersebut ditamatkan dan berapakah nilai dagangan yang tidak diperolehi oleh PETRONAS akibat penamatan tersebut.

JAWAPAN

Laporan media asing pada bulan April 2010 yang mengatakan bahawa PETRONAS menghentikan bekalan minyak ke Republik Islam Iran adalah tidak benar. PETRONAS, melalui anak syarikatnya PETRONAS Trading Corporation Sdn. Bhd. (PETCO) menjual gasolin kepada Republik Islam Iran secara lani (*spot sales*) dan bukannya melalui kontrak pembekalan jangka panjang atau *long term sales*. Penghantaran terakhir gasolin oleh PETCO ke Republik tersebut dibuat pada bulan Mac 2010. Selepas Mac 2010, PETRONAS tidak lagi menerima permintaan daripada negara tersebut untuk mendapatkan bekalan gasolin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi penjualan *spot sales*, keputusan PETCO sama ada untuk membekal kepada mana-mana negara atau sebaliknya adalah tertakluk kepada pertimbangan komersial semata-mata.

NO. AUM : 7

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG]
TARIKH 7 JUN 2010
RUJUKAN 2672

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) jumlah penjenayah negara asing yang ditahan di negara ini; dan
 - (b) bagaimana kedudukan negara kita dalam soal jenayah berbanding dengan pelbagai negara ASEAN dan bagaimana Malaysia menjalankan kerjasama dalam soal menangani isu jenayah dengan negara lain.

Negara
JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan kepada rakyat bahawa jenayah yang melibatkan warga asing di negara ini adalah terkawal. Mengikut Statistik Jenayah Indeks yang melibatkan warga asing sepanjang lima (5) tahun iaitu dari 2005 hingga 2009, di dapati jumlah jenayah yang dilakukan oleh warga asing pada tahun 2005 adalah sebanyak 3,108 kes, tahun 2006 sebanyak 3,495 kes, tahun 2007 sebanyak 3,463 kes, tahun 2008 sebanyak 4,882 kes dan tahun 2009 sebanyak 3,060 kes. Daripada statistik ini, secara purata jumlah jenayah yang melibatkan warga asing bagi tempoh lima (5) tahun ini adalah rendah iaitu sebanyak 1.87% sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam menangani isu jenayah yang melibatkan warga asing, PDRM telah mengambil pendekatan proaktif dengan menjalankan kerjasama strategik melalui Memorandum Persefahaman (Moll) dengan pasukan polis negara-negara lain bagi meningkatkan kerjasama dalam menangani aktiviti keganasan dan jenayah, termasuklah aktiviti penyeludupan manusia. Bidang kerjasama yang diadakan melalui Moll-MoU ini antara lain ialah perkongsian maklumat dan kepakaran, pertukaran anggota, latihan dan bantuan teknikal.

Antara negara-negara yang telah mempunyai kerjasama dengan PDRM melalui memorandum persefahaman (MoU) ialah United Kingdom, Australia, Uzbekistan dan Jepun. PDRM pada masa yang sama menerokai peluang-peluang kerjasama dengan pasukan polis negara-negara lain. Antara yang sedang di rundingkan ialah kerjasama dengan New Zealand, Vietnam, Brunei, Amerika Syarikat (FBI), dan Timur Leste. Selain itu kerjasama di peringkat antarabangsa di buat melalui saluran-saluran lain seperti

ASEANAPOL, INTERPOL dan ASEAN Regional Forum yang dianggotai oleh Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik purata jenayah yang di jalankan oleh INTERPOL ke atas negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Malaysia, di dapati Malaysia menduduki tempat ke tiga selepas Brunei Darussalam dan Indonesia dalam soal jenayah. Statistik tersebut dikira berdasarkan jumlah kes yang di ukur kepada 100,000 orang penduduk.

**PERTANYAAN- PERTANYAAN JAWAB LISAN BAG!
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PSNGGAL
KETIGA
PARLIMEN KE DUA BELAS**

**PERTANYAA
N BAG] JAWAB LISAN**

DARIPADA Y.B. Dato' Haji Wan Abd Rahim bin
Abdullah [Kota Bharu]

TARiKH Isnin, 7 Jun 2010

SOALANCSI Y.B. Dato' Haji Wati Atod Rahim bin
Abdullah minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah usaha yang telah
dijalankan oleh Malaysia sebagai negara jiran
dan anggota ASEAN dalam meredakan
pergolakan 'Baju Merah' di Thailand.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Usaha yang telah dijalankan oleh Malaysia dalam meredakan pergolakan 'Baju Merah' di Thailand ialah dengan menyampaikan pandangan Kerajaan Malaysia kepada Thailand melalui 3 cara.

2. Cara yang pertama ialah melalui tiga kenyataan yang dikeluarkan oleh YB Dato' Seri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri pada 11 April, 15 Mei, dan 17 Mei 2010. Dalam kenyataan-kenyataan tersebut, Kerajaan Malaysia melahirkan rasa prihatin di atas kejadian demonstrasi di Bangkok yang telah meragut beberapa nyawa. Kerajaan Malaysia juga menggesa agar semua pihak yang terlibat dapat mengawal tindakan mereka, selain turut melaftirkari harapan agar usaha mencari penyelesaian secara aman dapat diteruskan.
3. Cara yang kedua ialah dengan menyampaikan pandangan-pandangan tersebut secara terus kepada TYT Kasit Piromya, Menteri Luar Negeri Thailand semasa beliau berkunjung ke Malaysia dalam satu rangka lawatan kerja pada 4-5 Mei 2010 dan bertemu dengan YAB Perdana Menteri dan Pemangku Menteri Luar Negeri.
4. Cara ketiga ialah melalui surat yang disampaikan oleh YB Dato Seri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri kepada TYT Kasit Piromya, Menteri Luar Negeri Thailand pada 18 Mei 2010. Di dalam suratnya, YB Menteri Luar mengalu-alukan usaha Kerajaan Thailand untuk mengembalikan

keamanan di Bangkok. Selain itu, YB Menteri Luar juga turut melahirkan rasa gembira Malaysia terhadap pelan perdamaian yang diumumkan Perdana Menteri Thailand pada 3 Mei 2010 yang mendapat maklum balas positif dari pelbagai lapisan masyarakat Thailand- YB Menteri juga melahirkan harapan agar permasalahan di Thailand dapat diselesaikan secara aman.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Walaupun menyedari situasi di Bangkok adalah masalah dalaman Thailand, namun Kerajaan Malaysia sebagai jiran terdekat dan rakan ASEAN telah berusaha menyampaikan pandangannya kepada kerajaan Thailand melalui cara-cara yang telah disebutkan tadi.

Soalan No:

DARI PAD A : DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI

(SABAK BERNAM)

PERTANYAAN MULUT

TARIKH 07.06.2010

Datuk Abd. Rahman Bin Bakri (Sabak Bernam) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberikan pelepasan cukai kepada anak-anak yang menyara ibu/ bapa sesuai dengan hasrat melahirkan masyarakat prihatin dan bertanggungjawab.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap rakyat yang membelanjakan hasil pendapatannya untuk menyediakan keperluan asas kepada ibu bapanya. Bagi maksud ini, Kerajaan telah memberi pelepasan cukai dari pendapatan yang diterima pembayar cukai individu dalam tahun taksiran semasa bagi perbelanjaan kos perubatan ibu bapanya sehingga RM5.000. Di samping itu, pelepasan cukai turut diberi bagi pembelian peralatan sokongan orang kurang upaya sehingga RM5.000 oleh pembayar cukai untuk kegunaannya dan keluarga termasuklah ibu bapanya.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan turut menyediakan pelbagai pelepasan dan rebat cukai bagi pembayar cukai individu seperti pelepasan untuk anak, pembelian computer, pembelian buku dan perbelanjaan pendidikan anak-anak. Dengan ini, pembayar cukai dapat menjimatkan perbelanjaan cukainya untuk digunakan bagi meningkatkan kualiti taraf hidup dirinya dan keluarga. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pelepasan baru memandangkan pelepasan dan rebat cukai sedia ada adalah memadai.

SOALAN NO : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
TARIKH SOALAN	07.06.2010

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar]

minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap keadaan dimana klinik kesihatan di peringkat kerajaan tempatan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian dan bukan Kerajaan tempatan dan adakah Kementerian akan mengembalikan bidang kuasa klinik tersebut kepada kerajaan tempatan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 1998, Kementerian Kesihatan Malaysia menerima keputusan Jemaah Menteri supaya Kementerian mengambil alih fungsi perkhidmatan kesihatan ibu mengandung dan anak-anak di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Berikutan itu, Kementerian telah mengambil alih fungsi berkenaan dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI),

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Bandaraya Johor Baru (MBJB).

Pada 2009, Jemaah Menteri telah meluluskan Memorandum daripada Menteri Wilayah Persekutuan untuk memindahkan fungsi perkhidmatan kesihatan ibu mengandung dan anak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada Kementerian dan mulai Januari 2010, Kementerian telah mengambil alih fungsi berkenaan dari DBKL.

Kapasiti klinikal yang ada dalam kerajaan tempatan adalah terhad. Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai kapasiti yang tinggi dari segi sumber manusia dan sumber klinikal yang lain yang dapat dioptimakan untuk menyampaikan perkhidmatan yang terancang dan teratur melalui dasar-dasar perkhidmatan KKM. Ini bagi memastikan semua lapisan masyarakat mendapat perkhidmatan yang komprehensif. Selain itu, KKM juga memberi peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas kepada anggota kesihatan yang terlibat.

Soalan NO; 11

SOALAN	BAGI JAWAPAN LISAN
DARI PAD A :	TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
	[DUNGUN]
TARIKH	7/6/2010 (ISNIN)
SOALAN	No. 11

Tuan Haji Matulidi bin Jusoh (Dungun) minta MENTERI

PENGANGKUTAN

menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi menyelesaikan saman 17 juta saman tertunggak dari tahun 2000 hingga 2008 bagi menjaga imej organisasi dan meningkatkan keberkesanan dan mutu perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya memohon izin untuk menjawab bersekali pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan pada 30 Jun 2010 daripada Y.B. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] kerana kedua-duanya menyentuh mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah saman tertunggak atau saman yang gagal dikutip bagi tempoh tahun 2000 hingga 2008 adalah sebanyak 16,985,635 saman. Daripada jumlah ini, 485,590 saman merupakan saman tertunggak bagi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), 15,660,684 saman bagi Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan 839,361 saman bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh JPJ bagi kesalahan-kesalahan lalu lintas dari tahun 2000 hingga April 2010 pula, adalah sebanyak 5,771,181 saman. Daripada jumlah tersebut sebanyak 745,961 adalah merupakan saman tertunggak.

Seterusnya, bagi memudahkan Orang Kena Saman (OKS) menyelesaikan saman-saman tertunggak, JPJ, PDRM dan DBKL telah pun mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) membangunkan pangkalan data berpusat bagi tujuan semakan orang awam;
- (ii) membuat hebahan melalui penghantaran notis peringatan dan SMS;
- (iii) mewujudkan *one stop payment centre* di mana OKS boleh

- menyelesaikan saman bagi ketiga-tiga agensi di mana-mana kaunter; dan **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
- (iv) mempelbagaikan ~~saman pembayaran~~ pembayaran saman melalui pembayaran secara *online* dengan kad kredit.

Tuan Yang Dipertua,

Di samping itu, bagi menangani masalah saman-saman tertunggak, JPJ telah pun mengambil tindakan menyekat urus niaga pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan pengeluaran Lesen Memandu terhadap OKS yang gagal menyelesaikan saman mereka. Sekatan urus niaga ini hanya melibatkan saman JPJ (P) 22 dan saman PDRM Pol. 257 yang dikeluarkan di tempat kesalahan kepada pemandu oleh kedua-dua agensi tersebut. Walau bagaimanapun, bagi saman-saman tertunggak PDRM, khususnya notis Pol. 170A (notis untuk mendapatkan maklumat pemandu yang melakukan kesalahan) tindakan menyekat urus niaga hanya dilaksanakan mulai bulan April 2010. Manakala, bagi saman-saman tertunggak yang dikeluarkan oleh DBKL, sekatan urus niaga hanya boleh dibuat selepas Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan 2010) dibentang dan diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang berjalan sekarang ini.

Soalan No:12

PEMBERITA
HUAN
PERTANYAA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT LISA
DARI PADA N
YB DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
TARIKH 7 JUN 2010
JAWAPAN DI (ISNIN)
DEWAN RAKYAT NO.
SOALAN 12

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan berapa kali bekalan elektrik dalam Daerah Manjung terputus bagi tahun 2007, 2008, 2009 dan 2010 dan sebab-sebab bekalan elektrik tersebut terputus.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian sentiasa memantau kejadian gangguan bekalan elektrik disemua kawasan yang diberi perkhidmatan bekalan oleh TNB. Daripada statistik yang dikeluarkan oleh pihak TNB, bilangan gangguan bekalan elektrik voltan sederhana yang berlaku di Daerah Manjung, Perak bagi tahun

2007 hingga April 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	2007	2008	2009	2010 (sehingga April)
Bilangan Gangguan	69	199	266	88

Di antara punca gangguan bekalan elektrik yang berlaku di Daerah Manjung adalah disebabkan oleh:

- a) kerosakan kabel bawah tanah TNB;
- b) aktiviti korekan daripada pihak ketiga yang merosakan kabel bawah tanah TNB; dan
- c) kerosakan berpunca daripada talian atas TNB.

Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di Daerah Manjung, pihak TNB akan mempertingkatkan keupayaan sistem sediada dari semasa ke semasa. Pihak TNB Perak telah membelanjakan sebanyak RM7.5 juta bagi melaksanakan projek-projek memperkuatkan sistem dari tahun 2007 hingga 2009. Bagi tahun 2010 sehingga 2011, sejumlah RM21.3 juta dijangka akan dibelanjakan untuk tujuan yang sama.

Di samping itu juga, pihak TNB sedang melaksanakan program pencegahan yang menelan belanja sebanyak RM3.77 juta untuk mempertingkatkan sistem bekalan elektrik. Antaranya ialah kerja-kerja senggaraan berjadual kepada sistem talian atas, kabel dan pencawang dan menukar pepasangan lama kepada yang baru yang iebih berdaya harap.

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
	(SRI GADING)
TARIKH	07.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pihak Kementerian berhasrat menyelaraskan sukanan pelajaran dan kurikulum di peringkat pra-sekolah agar dapat mewujudkan standard pembelajaran dan pengajaran yang bersepadu dan berkualiti bagi setiap pra-sekolah dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan program pendidikan prasekolah bagi menampung kekosongan ruang yang tidak dapat diakses terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Akta Pendidikan 1996 telah memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menetapkan suatu kurikulum prasekolah sebagai garis panduan kurikulum yang piawai. Selaras dengan keperluan NKRA, KPM bertanggungjawab menyediakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digunakan oleh semua agensi pelaksana pendidikan prasekolah sama ada Kerajaan, badan bukan kerajaan dan swasta mulai tahun 2010 dan pelaksanaan kurikulum yang piawai ini dapat dimantapkan dari semasa ke semasa yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya guru atau tenaga pengajar. KPM juga mengadakan kursus dan

bengkel pendedahan mengenai kurikulum supaya dapat disebarluaskan kepada semua pihak.

Rjm 01

Soalan No: 14

**PEMBERITAH
U
PERTANYAA
DARIPADA N TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)
DEWAN RAKYAT,
PERTANYAAN JISAN
MALEASIA**

TARIKH 07.06.2010

SOALAN NO : 14

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh mana penyertaan masyarakat Islam di Malaysia terhadap sukuk-sukuk yang dikeluarkan oleh Bank Negara dari tahun 2005 hingga 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah menerbitkan Bon Simpanan Merdeka semenjak tahun 2005 dan telah dilantik untuk menerbitkan Sukuk Simpanan Rakyat 2009 bagi pihak Kerajaan Malaysia, seperti yang berikut:

Terbitan	Jumlah yang diterbitkan (RM)	Jumlah Pemegang
Bon Simpanan Merdeka 2004/2005 (8 siri)	3.5 bilion	93,189
Bon Simpanan Merdeka 2008	1.5 bilion	41,225
Bon Simpanan Merdeka 2009	2 bilion	60,994
Sukuk Simpanan Rakyat 2009	5 bilion	166,583

2. Bon Simpanan Merdeka dipegang oleh warga emas Malaysia, manakala Sukuk Simpanan Rakyat 2009 dipegang oleh warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas. Bon dan Sukuk tersebut ditawarkan kepada pelabur yang layak tanpa mengira kaum dan agama. Oleh itu, Bank Negara Malaysia tidak menyediakan data mengenai pemegang Bon dan Sukuk mengikut anutan agama bagi semua terbitan di atas.
3. Pada masa ini, RM3 bilion Sukuk 1 Malaysia 2010 sedang ditawarkan kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas, juga tanpa mengira kaum dan agama masing-masing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA : Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD
KAWASAN LEO MICHAEL TOYAD**

MUKAH

TARIKH

07.06.2010 (Isnin)

NO. SOALAN

Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD ¹⁶ LEO MICHAEL TOYAD
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing masuk ke
negara Malaysia pada tahun 2008 dan 2009 dan nyatakan
sektor yang mendapat pelaburan terbesar.

Jawapan:

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan pada tahun 2008 adalah sebanyak RM46.1 bilion. Bagi tahun 2009 pula, jumlah FDI yang diluluskan telah mengalami penurunan ekoran krisis ekonomi global di mana jumlah FDI yang diluluskan adalah RM22.1 bilion.

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2008, lima sektor utama yang mendapat jumlah pelaburan FDI yang terbesar adalah produk logam asas (RM20.4 bilion), produk elektronik dan elektrik (RM17.3 bilion), produk petroleum dan petrokimia (RM1.3 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.2 bilion) dan penyelangan makanan (RM1.0 bilion).

Pada tahun 2009 pula, lima sektor teratas yang mendapat pelaburan FDI terbesar adalah kimia dan produk kimia (RM7.0 bilion), produk mineral bukan logam (RM5.3 bilion), produk elektronik dan elektrik (RM4.0 bilion), penyelangan makanan (RM934.2 juta) dan produk logam fabrikasi (RM775.0 juta).

NO SOALAN : 17

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' LILAH BIN YASIN

TARIKH 7 JUN 2010

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- a) Sejauhmanakah kejayaan FELDA sebagai Gedung Makanan Negara;
dan
- b) Berapakah peruntukan yang telah diluluskan di FELDA Jempol, Negeri Sembilan.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Seperti Yang Berhormat sedia maklum Gedung Makanan Negara (GMN) dilancarkan oleh Kerajaan pada Julai 2009 yang lalu bertujuan meningkatkan bekalan makanan negara dan mengurangkan perbelanjaan import. Matlamat akhir Kerajaan ialah melahirkan seberapa ramai usahawan tani moden di kalangan warga FELDA melalui penggunaan teknologi baru seperti penggunaan

struktur pelindung tanaman (SPT), sistem fertigasi, pengudaraan kolam ikan kaedah *Aerotube*, sistem fidlot, integrasi tanaman dan sebagainya. Beberapa projek GMN telahpun dilaksanakan di beberapa kawasan seperti penanaman pisang berangan, cili kulai secara fertigasi, lembu pedaging dan ternakan ikan.

Sehingga kini terdapat lapan (8) rancangan yang terlibat dalam tanaman pisang berangan membabitkan seramai 390 pengusaha dengan kawasan seluas 1,562 hektar. Penanaman anak benih pisang dilakukan bermula Oktober 2009. Setakat ini, sebanyak 181,760 pokok pisang berangan ditanam secara integrasi di kawasan tanam semula kebun peneroka. Tanaman dijangka berhasil dalam suku tahun keempat (ke-4) 2010 secara berperingkat dan dijangka menghasilkan 8,179 tan pisang berangan.

Tanaman fertigasi tertutup cili kulai turut dilaksanakan di kawasan seluas lima (5) hektar di FELDA Mempaga 1, Bentong Pahang. Sebanyak 102 buah Struktur Pelindung Tanaman (SPT) berukuran 20' x 100' seunit sedang dibina dengan setiap SPT menempatkan sebanyak 250 pokok. Seramai 17 orang pengusaha telah ditemuduga untuk melaksanakan projek ini.

Ternakan lembu pedaging secara fidlot turut dilaksanakan di bawah projek GMN ini. Sehingga kini terdapat lima (5) buah rancangan yang telah dipilih untuk melaksanakan projek ternakan lembu pedaging bagi tahun 2010. Projek ini akan dilaksanakan di FELDA Chuping

dan Mata Air di Perlis, Chini 3 di Pahang, Trolak Selatan dan Besout 2 di Perak.

Projek perintis tilapia merah pula dilaksanakan di FELDA Titi, Jelebu Negeri Sembilan di mana sebanyak 20,000 ekor anak ikan telah dilepaskan ke dalam dua (2) buah kolam dan dijangka dituai pada bulan Oktober 2010. Pelaksanaan projek seterusnya dilaksanakan bergantung kepada kejayaan projek printis ini.

Projek Fertigasi Tertutup Rock Melon akan dilaksanakan secara ladang kontrak bersama *Malaysia Agrifood Corporation* (MAFC) melibatkan kawasan seluas 30 hektar di FELDA Sungai Tengi Selatan, Selangor. Projek ini dibahagikan kepada dua (2) fasa pembangunan di mana setiap fasa akan melibatkan kawasan seluas 15 hektar.

- b) Bagi kawasan di Jempol, Negeri Sembilan, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM11 juta untuk pelaksanaan projek GMN membabitkan ternakan bebiri sebanyak 3,000 ekor dengan kawasan seluas 62 hektar. Melalui projek ini, seramai 30 pengusaha akan menerima manfaat darinya. Semua peneroka dalam semua kawasan FELDA di Parlimen Jempol sedang melaksanakan projek Edible Garden (Tanaman Dapur) yang melibatkan tanaman sayuran disekitar rumah. Projek ini juga termasuk dalam GMN.

oooooooooooooooooooo

Soalan No: 18'

DARIPADA

TUANGOBALAKRISHNAN A/LNAGAPAN

[PADANG SERAI]
PERTANYAAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
LISAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

TARIKH **07.06.2010** **SOALAN NO: 18**

Tuan Gobalakrishnan A/L Nagapan (Padang Serai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan oleh Kerajaan Pusat untuk High Tech Park di seluruh negara semenjak tahun 2000.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Program Pembangunan Infrastruktur Perindustrian (termasuk kawasan perindustrian, taman EKS, penyenggaraan dan menaik taraf infrastruktur), Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan sebanyak RM474.9 juta di bawah RMK-8 (2001-2005) dan RM1,917.5 juta di bawah RMK-9 (2006-2010). Jumlah perbelanjaan yang telah dibuat RMK-8 adalah sebanyak RM476.2 juta manakala perbelanjaan bagi RMK-9 sebanyak RM1,275.2 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 2006-2009. Pengurusan kawasan perindustrian ini adalah merupakan tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri.

High Tech Park di Malaysia yang menerima peruntukan Kerajaan Pusat setakat ini adalah Kulim Hi-Tech Park (KHTP) sahaja. Sepanjang tempoh RMK-8, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan ialah RM92 juta manakala bagi tempoh RMK-9 pula peruntukan yang telah disediakan ialah sebanyak RM351.8 juta dan perbelanjaan setakat 2009 adalah sebanyak RM196.5 juta. Peruntukan yang disediakan ini adalah untuk melaksanakan projek-projek meningkatkan kemudahan infrastruktur serta kerja-kerja penyelenggaraan.

No.-iq

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA LISA
 N TAN SRI DATO' SERI
 ONG KA TING

KAWASAN KULA
 I

TARIKH 07.06.2010 (ISNIN)

NO. SOALAN 19

TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah Kerajaan berjaya memudah dan meringkaskan segala proses permohonan kelulusan pelaburan di negara kita sama ada pelabur asing atau domestik.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pihak Kerajaan sedang mengambil langkah melalui pelbagai kaedah untuk menambahbaik persekitaran perniagaan dan pelaburan di Malaysia. Pasukan Petugas

Khas Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH telah ditubuhkan pada 7 Februari 2007, atas keperluan untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang rapat antara sektor awam dan swasta bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Usaha penambahbaikan yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan berkesan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengurangkan birokrasi serta meningkatkan daya saing negara.

Pihak MIDA telah mengambil beberapa langkah untuk memudah dan meringkaskan segala proses permohonan kelulusan pelaburan termasuk berikut:-

- Memberi kelulusan Lesen Pengilang secara automatik berkuatkuasa pada 1 Disember 2008 kecuali bagi aktiviti-aktiviti sensitif yang menyentuh aspek keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan keagamaan;
- Memberikan bantuan kepada para pelabur dalam bentuk aktiviti (*handholding*);
- Memperkasa dan mengorporatkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menjadi sebuah agensi promosi pelaburan yang berdayasaing di peringkat antarabangsa; dan
- Menubuhkan Jawatankuasa baru iaitu *National*

Committee on Investments (NCI)/Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan di MIDA bagi mempercepatkan proses kelulusan pelaburan.

Disamping itu, pihak kerajaan juga telah mengumumkan dasar liberalisasi dalam hakmilik 27 sub-sektor perkhidmatan dengan tujuan menarik lebih banyak pelaburan ke dalam sektor-sektor tersebut serta meningkatkan aliran masuk tenaga pakar asing dan teknologi.

j|f

SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]

TARIKH 7 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pemberian atau kelulusan projek segera sewaktu berkempen pilihan raya adalah tidak menyalahi Undang- undang Malaysia (Akta 5) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Bahagian III) Perbuatan-

Perbuatan Rasuah.

JAWAPAN: YB DATO* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] memperuntukkan kesalahan akibat perbuatan rasuah sebelum, semasa dan selepas sesuatu pilihan raya.

Persoalan sama ada pemberian atau kelulusan segera sewaktu berkempen pilihan raya tidak melanggar Akta 5 adalah merupakan persoalan fakta. Jika terdapat apa-apa aduan yang dibuat oleh mana- mana orang, fakta itu akan disiasat oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Jika mana-mana orang didakwa atas fakta itu, fakta itu perlu dibuktikan di mahkamah oleh pihak- pihak yang mendakwanya.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 23

NO. AUP : ^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

TARIKH 7 JUN 2010

RUJUKAN 2673

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan modul latihan dan tempoh yang ditetapkan kepada pelatih polis sebelum mereka lulus berkhidmat.
JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, terdapat 2 jenis latihan asas kepolisan yang wajib dihadiri sebelum seseorang pelatih itu layak berkhidmat iaitu Program Latihan Asas Kepolisian (PLAK) Inspektor dan Program Latihan Asas Kepolisian (PLAK) Konstabel.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi Program Latihan Asas Kepolisian (PLAK) Inspektor, jangka masa latihan adalah selama 6 bulan di PULAPOL dan mempunyai sebelas (11) modul latihan iaitu Modul Transformasi/Pembinaan Sahsiah, Modul Induksi Umum, Modul Akademik, Modul Prosedur Kerja, Modul Pengurusan dan Komunikasi, Modul Pertolongan Cemas, Modul Bahasa Inggeris, Modul Agama, Moral dan Kaunseling, Modul Teknologi Maklumat, Modul Latihan Luar dan Peperiksaan dan Penilaian Kursus. Manakala bagi Program Latihan Asas Kepolisian (PLAK) Konstabel pula, tempoh latihan adalah selama 3 bulan di PULAPOL dan merangkumi tujuh (7) modul iaitu Modul Akademik, Modul Induksi Umum, Modul Prosedur Kerja, Modul Latihan Luar, Modul Agama, Moral dan Harm Reduction, Modul Teknologi Maklumat dan Peperiksaan dan Penilaian Kursus.

SOALAN NO. 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TAN AH ENG (BN) (GELANG PAT AH)

TARIKH : 7 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN :

YB Puan Tan Ah Eng (BN) (Gelang Patah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) Jumlah kes penjualan dan pembuangan bayi; dan
- (b) Langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, kes penjualan bayi dari tahun 2008 sehingga 2010 adalah sebanyak tiga puluh enam (36) kes manakala jumlah kes pembuangan bayi bagi tahun 2009 berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak tujuh puluh sembilan (79) kes.
- (b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap gejala penjualan dan pembuangan bayi. Untuk menangani masalah ini, KPWKM mengambil beberapa langkah bagi melindungi kanak-kanak atau wanita yang hamil luar nikah melalui penyediaan tempat

perlindungan bagi kanak-kanak atau wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan bayi dengan selamat.

Pada masa ini terdapat sebanyak empat (4) buah Taman Seri Puteri yang menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah manakala sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih diwujudkan bagi wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Inisiatif ini juga bertujuan mencegah daripada berlakunya kes-kes pembuangan bayi.

Selain itu, Kementerian juga mempunyai lima puluh lima (55) buah institusi kebajikan, satu ratus empat (104) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan lima puluh lima (55) buah Klinik Nur Sejahtera di bawah seliaan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang bersedia menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan.

JKM juga menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Terdapat lapan buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran dari JKM yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah terbaru KPWKM ialah menjalankan kerjasama dengan OrphanCARE dan melancarkan Pusat Jagaan Bayi Yang Tidak Diingini atau, dengan izin, 'Baby Hatch'⁷

yang pertama di negara ini pada 13 Ogos 2009. Tujuan penubuhan pusat ini adalah untuk memberi pelindungan kepada bayi yang dibuang atau tidak diingini. Pusat ini beroperasi 24 jam dan memberi pelindungan kepada bayi tersebut sebelum ia diserahkan kepada keluarga angkat. KPWKM bekerjasama dengan OrphanCARE dalam aspek perlindungan sementara, penempatan di dalam program penjagaan dan pengangkatan termasuk pengurusan data serta aspek promosi ke atas program penjagaan dan pengangkatan.

Di samping itu, Kementerian melalui JKM dan LPPKN juga melaksanakan usaha- usaha bagi menangani gejala tersebut seperti berikut:

- a) Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral;
- b) Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001;
- c) Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD);
- d) Menganjurkan kursus kemahiran keibubapaan seperti SmartStart dan Modul Kasih. Selain itu, Program Parenting@Work juga telah diperkenalkan di mana pendekatan diambil untuk memberikan kursus ini di tempat kerja bagi

memudahkan ibu bapa menghadiri kursus berkenaan; dan

- (e) Mewujudkan Pusat Remaja kafe@TEEN yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPPKN juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai kendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab menangani gejala ini bukan hanya terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata tetapi kerjasama dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta badan bukan Kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia, pihak swasta dan masyarakat umum amat penting dalam usaha membendung masalah pembuangan bayi.

Usaha meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia seperti yang diusahakan oleh Kementerian bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan melalui pelancaran kempen "KAMI PRIHATIN" merupakan satu permulaan dan adalah menjadi harapan Kementerian agar banyak lagi inisiatif dilaksanakan oleh sektor korporat dan anggota masyarakat bagi meningkatkan kesedaran terhadap

masalah ini dan akhirnya isu pembuangan dan penderaan kanak-kanak dapat dibendung sepenuhnya.

SOALAN NO.: 24

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

[TELOK INTAN]

TARIKH : 7JUN2010

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Kerajaan telah mengumumkan RM1 bilion untuk menangani dan mengatasi masalah banjir di Sibu, Sarawak. Bolehkah Kerajaan memperuntukkan jumlah yang sama bagi mengatasi masalah yang sama di Teluk Intan.
JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mengemukakan peruntukan RM 1 bilion untuk menangani masalah banjir di Sibu. Apa yang telah diumumkan adalah bahawa jumlah kos yang

diperlukan untuk menyelesaikan masalah banjir keseluruhannya adalah hampir RM 1 bilion.

Bagi mengatasi masalah banjir di Teluk Intan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Sekian, terima kasih.

M/- os~

**PEMBERITA
HUAN
PERTANYA
AN DEWAN
PERTANYAAN
RAKYAT** LISA
DARI PADA **TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]**
**TARIKH
JAWAPAN DI
DEWAN RAKYAT** 7 JUN 2009
(ISNIN)
SOALAN NO. 25

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan mengenai kaedah menentukan kadar tarif elektrik terkini yang digunakan oleh TNB kerana sejak Januari 2010 TNB mengenakan kadar RM0.286 bagi setiap 500 unit pertama dan diikuti RM0.378 bagi unit seterusnya. Sedangkan sebelum itu TNB mengenakan caj RM0.286 bagi semua kadar unit yang digunakan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Struktur tarif elektrik yang baru telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2008 dan adalah berbeza dengan struktur tarif sebelum ini di mana struktur tarif pengguna Kediaman/Domestik telah dibahagikan kepada beberapa jaluran

(band), dengan

izin. Kategori pertama adalah penggunaan elektrik kurang daripada 400kWj dan kategori kedua adalah penggunaan elektrik yang melebihi 400kWj.

Berhubung soalan Ahli Yang Berhormat mengenai perbezaan kadar tarif bagi 500 unit pertama dengan unit-unit seterusnya, pengguna yang menggunakan elektrik kurang atau bersamaan dengan 500kWj akan menikmati tarif sebanyak 28.6 sen/kWj. Manakala, bagi unit-unit seterusnya pengguna akan dikenakan tarif yang berbeza. Semakin banyak penggunaan elektrik semakin tinggi kadar tarif yang dikenakan. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memupuk kecekapan penggunaan elektrik dan menggalakkan penggunaan elektrik secara berhemah dan mengurangkan pembaziran sumber tenaga.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih prihatin akan kebajikan golongan berpendapatan rendah dengan menyediakan satu kadar tarif Jaluran Penggunaan Asas (*Lifeline Band*), dengan izin, bagi penggunaan bulanan sehingga 200 kWj sebulan dimana ianya merangkumi 3.3 juta isi rumah. Kadar tarif bagi kategori *Lifeline Band* sebanyak 21.8 sen/kWj tidak berubah sejak tahun 1997.

Penetapan tarif elektrik adalah bergantung kepada harga bahan api gas dan arang batu serta kos-kos pembekalan elektrik yang lain. Sekiranya berlaku sebarang penurunan kos dalam membekalkan elektrik, pihak Kerajaan bersedia untuk menurunkan kadar tarif sedia ada seperti yang telah dilaksanakan pada bulan Mac 2009.

SOALAN NO: 26

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 7JUN2010

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan gaji minimum kepada semua sektor supaya kadar kemiskinan dapat diselesaikan.

PR-1232-L37373

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil berat supaya pekerja-pekerja dibayar gaji berdasarkan kemahiran

dan produktiviti mereka dan semua rakyat Malaysia termasuk para pekerja, berpendapatan di atas garis kemiskinan. Untuk itu, beberapa langkah sedang dan telah

diambil oleh Kerajaan untuk mencapai ke arah rakyat berpendapatan tinggi.

Langkah

tersebut adalah seperti berikut:

i. Model Baru Ekonomi (MBE)

Melalui program ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia dari US \$7,000 kepada US

\$15,000 pada tahun **2020**;

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang menjalankan kajian bagi mengumpul pandangan dari semua kaum dan masyarakat Malaysia termasuk para pekerja dan majikan mengenai keperluan mengadakan gaji minimum melalui blog gaji minimum di laman web KSM ;

Pada masa ini, penetapan gaji minimum melalui Majlis Penetapan Gaji (MPG) sedang dilakukan bagi sektor mudah terjejas (*vulnerable*) seperti pengawal keselamatan swasta, pembantu klinik swasta dan pekerja am di kebun kecil berdasarkan peruntukan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 (Pindaan 1977);

Lain-lain tindakan:

- a) KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berusaha meminta supaya majikan menaikkan gaji pekerja di sektor perkilangan ;
- b) Meningkatkan gaji pekerja menerusi *Productivity Link Wages System* (PLWS) dimana gaji akan dibayar berdasarkan produktiviti pekerja;
- c) Meningkatkan kemahiran bakal pekerja dan pekerja bagi membolehkan mereka dibayar gaji yang tinggi; dan
- d) KSM juga akan mengadakan satu **bengkel khas** bagi membincangkan isu- isu pelaksanaan gaji minimum dalam masa terdekat.

Soalan NO: 27

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]**

TARIKH 7 JUN 2010 (ISNIN)

**Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta MENTERI
PENGANGKUTAN**

menyatakan jumlah nilai kontrak pembinaan membesarkan lapangan terbang Kota Kinabalu dan tahap kemaiuan kerja pembinaan serta Jumlah pembavarannya setakat ini. Bilakah projek itu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Nilai kontrak projek ini ialah RM1.44 bilion iaitu RM720 juta untuk Pakej 1 (kontraktor ialah WCT Berhad) dan RM720 juta untuk Pakej 2 (kontraktor ialah Global Upline Sdn. Bhd.). Nilai kontrak ini belum termasuk kos untuk juru perunding, kos pengambilan tanah, *contribution fee*, tuntutan perubahan kerja dan tuntutan-tuntutan kontraktual lain berjumlah dalam anggaran RM100 juta.

Tahap kemaiuan bagi Pakej 1 setakat ini ialah 99.99% (sebenar) berbanding 100% (jadual). Manakala bagi Pakej 2 pula ialah 88.08% (sebenar) dan 100% (jadual) yang mana peratus ini adalah berdasarkan lanjutan masa ke-2.

Kemaiuan pembavaran bagi Pakej 1 sehingga bulan April 2010 yang diperakukan RM681.4 juta manakala bagi Pakej 2 ialah RM689.4 juta.

Mengenai status pelaksanaan projek, bagi Pakej 1, projek ini boleh dikategorikan sebagai siap. Bangunan terminal dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dijangka dapat digunakan pada akhir bulan Jun 2010.

Manakala bagi Pakej 2, tarikh siap projek (sepautunya pada 19 Mei 2010) dijangka dilanjutkan lagi untuk tempoh beberapa bulan berdasarkan kepada sebab-sebab yang munasabah. Tempoh tersebut masih lagi dalam peringkat penilaian.

Soalan No:-^

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG - PKR]

TARIKH 7 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN NO. 29

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng - PKR) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan jumlah perbelanjaan untuk persediaan Pasukan Badminton Skuad Piala Thomas dan Skuad Piala Uber tahun 2010.

TAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah memperuntukkan sebanyak RM452,085 sebagai persediaan skuad badminton negara untuk menghadapi kejohanan Piala Thomas dan Piala Uber yang telah berlangsung dari 9 hingga 16 Mei 2010 yang lalu.

NO. SOALAN : 29

FEMBPEMBERITAHUAN PERDANA MENTERI

PERTANYAAN
DARIPADA RAKYAT
TARIKH JAWAPAN LISAN
TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL 7 JUN
2010 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan pencapaian sebenar masing-masing di bawah RMKe-8 dan RMKe-9 dalam aspek-aspek berikut iaitu modal insan, pertumbuhan ekonomi, pendapatan per kapita, nilai tambah dalam sektor perkilangan khususnya elektrikal dan elektronik.

JAWAPAN:

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) iaitu bagi tahun 2001-2005, ekonomi telah tumbuh sebanyak 4.7% setahun. Manakala dalam tempoh **empat tahun pertama RMKe-9** (2006-2009), ekonomi berkembang sebanyak 3.8% setahun. Kadar pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan penguncutan ekonomi sebanyak 1.7% pada tahun 2009 kesan daripada kelembapan ekonomi dunia. Namun pada **suku pertama** 2010, ekonomi telah kembali pulih dengan pertumbuhan 10.1% dan Kerajaan yakin kita mampu mencatat pertumbuhan 6% pada tahun 2010. (Jangkaan 2006-2010: 4.2% setahun)

Pendapatan per kapita pada akhir tempoh RMKe-8 adalah RM19,079 atau AS\$5,038 pada tahun 2005 dan meningkat dalam tempoh empat tahun pertama RMKe-9 kepada RM23,914 atau AS\$6,785 pada tahun 2009. (Jangkaan pada tahun 2010:RM26,420, AS\$8,256)

Nilai tambah dalam sektor pembuatan bagi tempoh RMKe-8 berkembang sebanyak 5.3% setahun atau RM603.7 bilion (pada harga tetap tahun 2000). Elektrikal dan elektronik merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan dan berkembang sebanyak 2.5% setahun atau RM210.6 bilion (pada harga tetap tahun **2000**).

Walau bagaimanapun, kelembapan ekonomi dunia pada tahun 2009, telah menjelaskan pertumbuhan sektor pembuatan dalam tempoh **empat tahun pertama RMKe-9** (2006-2009) dengan pertumbuhan kecil sebanyak 0.2% setahun atau RM590.4 bilion (pada harga tetap tahun 2000). Elektrikal dan elektronik telah terjejas teruk dengan mencatat penguncutan 4.4% setahun atau RM 193.2 bilion (pada harga tetap tahun 2000). Namun, pada **suku pertama tahun 2010**, berikutan pemulihan ekonomi dunia, sektor pembuatan telah berkembang tinggi sebanyak 16.9% atau RM37.1 bilion (pada harga tetap tahun 2000) disumbang terutamanya oleh elektrikal dan elektronik yang berkembang sebanyak 34.4% atau RM12.5 bilion (pada harga tetap tahun 2000). (Jangkaan 2006-2010: sektor pembuatan RM737.8 bilion (1.3% setahun); elektrikal dan elektronik RM236.6 bilion (-2.0% setahun))

Pembangunan modal insan terus bertambah baik dalam tempoh RMKe-8 dan empat tahun pertama RMKe-9. Di bawah RMKe-8, enrolmen di institusi pendidikan awam meliputi pendidikan prasekolah, rendah,

menengah dan pendidikan guru telah meningkat sebanyak 1.9% setahun bagi tempoh RMKe-8 atau kepada 6.07 juta jumlah pelajar pada tahun 2005 dan 0.3% setahun bagi RMKe-9 atau kepada 6.14 juta pelajar pada tahun 2009 iaitu pertambahan 70 ribu pelajar.

Enrolmen di institusi pengajian tinggi terus menggalakkan dengan peningkatan sebanyak 5.0% setahun bagi tempoh RMKe-8 atau kepada 0.73 juta pelajar pada tahun 2005 dan 8.8% setahun bagi RMKe-9 atau 1.03 juta pelajar pada tahun 2009 iaitu pertambahan sebanyak 0.7 juta.

Soalan No:30

DARIPADADATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 07.06.2010

Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Kerajaan meluluskan lesen pertaruhan sukan kepada Ascot Sports dan apakah Kerajaan sedar ia mendapat bantahan yang kuat daripada berbagai-bagai lapisan masyarakat kerana ia lesen judi yang disifatkan haram di sisi Islam dan sudah terlalu banyak lesen judi diluluskan sebelum ini.

DARIPADA :TUANKHALID BIN ABDUL SAMAD Soalan No.51

(SHAH AI.AM)

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 07.06.2010

Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab mengapa judi bola sepak dunia ingin dibenarkan oleh

Kerajaan.

DARIPADA :TUAN CHUA TIAN CHANG (BATU) Soalan No; 23

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 07.06.2010

Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a) Apakah asas keputusan kabinet menarik balik lesen judi pada tahun 2004 dan kenapa keputusan kabinet berubah pada tahun ini; dan
- b) Kenapa Kerajaan memberi semula lesen judi kepada Ascot Sports Sdn Bhd (Ascot Sports) tanpa melalui tender terbuka. **DARIPADA :TUAN**

LOKE SIEW FOOK (RASAH) Soalan No: 55

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 07.06.2010

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan justifikasi Kerajaan dalam meluluskan lesen perjudian sukan kepada Syarikat Ascot Sports, mengapa syarikat ini dipilih dan sama ada Kerajaan telah membuat kajian “ Social Impact Assessment” kepada masyarakat selepas perjudian sukan ini dibenarkan.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menjawab soalan-soalan yang diajukan secara sekaligus oleh kerana ia menyentuh perkara dan isu yang sama iaitu:

1. YB Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas);
 2. YB Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam);
 3. YB Tuan Chua Tian Chang (Batu); dan
 4. YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah).
2. Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

mengeluarkan/ memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

3. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia.

4. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan pelesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.

Soalan No: 31

PERTANYAAN

DARIPADA

JAWAB LISAN

DATO¹ DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN

TARIKH

7 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

NO.31

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kenapakah tiada universiti di dalam negara berada di dalam kedudukan 200 universiti terkemuka dunia pada kajian tahun lepas. Apakah kriteria di dalam analisa yang diambil kira di dalam kajian tersebut dan kenapa terjadi demikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sistem ranking universiti dunia seperti *THE-QS World Ranking* dan *The QS.com Asian University Rankings* oleh

syarikat swasta British, *Quacquarelli Symonds* (QS) dan *The Academic Ranking of World Universities*, oleh *Shanghai Jiao Tong University* yang membuat penarafan berdasarkan kriteria, indikator dan objektif masing-masing.

Pada tahun 2009, *THE-QS* meletakkan kedudukan UM dalam kedudukan 200 terbaik/teratas *ranking* dunia. UM telah disenaraikan di kedudukan ke-180, UKM di kedudukan ke-291, USM ke-314, UTM ke-320 dan UPM di kedudukan ke-345. UM, UKM, USM dan UPM masih berjaya mengekalkan kedudukan dalam tangga 400 ke atas universiti dunia semenjak *THE-QS* dilaksanakan pada tahun 2004.

THE-QS World Ranking umpamanya, membuat penilaian secara tinjauan pendapat (*opinion survey*) dan pencarian data melalui laman web serta pangkalan data yang relevan berdasarkan enam indikator iaitu:-

- i. Penilaian Rakan Kesepakaran (*Peer Review*) -40%
- ii. Kekerapan Kajian Dirujuk (*Citations Per Faculty*) - 20%
- iii. Nisbah Pelajar dengan Pensyarah (*Student Faculty Ratio*) - 20%
- iv. Kajian Majikan (*Recruiter Review*) -10%
- v. Nisbah Pensyarah Antarabangsa (*International Faculty Ratio*) - 5%
- vi. Nisbah Pelajar Antarabangsa (*International Students Ratio*) - 5%

Penilaian rakan kesepakaran (*Peer Review*) merupakan kriteria yang terpenting dalam penilaian *ranking* universiti, menyumbang sebanyak 40%. Sebahagian besar responden adalah daripada negara-negara maju yang mempunyai sistem pendidikan yang berbeza daripada negara-negara Asia. Justeru, mereka lebih cenderung untuk memberi penilaian yang rendah kepada IPT di negara-negara Asia termasuk di Malaysia. Di samping itu, kriteria nisbah pelajar dengan pensyarah dan kriteria kebolehpasaran graduan dari perspektif majikan juga merupakan kriteria penting. Responden bagi majikan kebanyakannya terdiri daripada syarikat-syarikat swasta dan multinasional antarabangsa. Kriteria ini tidak memihak kepada Malaysia memandangkan graduan tempatan kurang berkecenderungan untuk mencari pekerjaan di luar negara. Sementara itu, bagi kriteria penilaian Nisbah Pensyarah Antarabangsa dan Nisbah Pelajar Antarabangsa pula tidak selaras dengan dasar pendidikan tinggi negara yang menghadkan pengambilan pelajar antarabangsa dan penawaran skim perkhidmatan

yang lebih baik kepada pensyarah luar negara. Kesemua faktor ini menyumbang penilaian yang rendah kepada IPT Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Objektif penubuhan universiti adalah sebagai institusi pembangunan ketamadunan masyarakat di mana universiti mempunyai tanggungjawab sosial dan akademik. Dalam situasi sedemikian, tidak dinafikan terdapatnya pertembungan dalam memenuhi kehendak sistem *ranking* dengan tanggungjawab sosial negara. Perkara ini perlu ditangani dengan baik bagi memberi keseimbangan terhadap kedua-dua tuntutan tersebut agar tanggungjawab terhadap rakyat negara tidak diabaikan.

Kementerian tidak hanya bergantung kepada penarafan yang ditetapkan oleh pihak luar, malahan telah mewujudkan sistem penarafan sendiri iaitu Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA). SETARA merupakan mekanisme yang digunakan untuk mengukur kualiti, kebertanggungjawaban serta penunjuk prestasi institusi pengajian tinggi (IPT). Dapatan daripada sistem ini menggambarkan keadaan sebenar IPT yang dinilai menerusi aktiviti penandaarasan (*benchmarking*) dengan beberapa universiti terbaik di dunia.

**3X
SOALAN NO: 3^A**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH

[JASIN]

TARIKH

7 JUN 2010

SOALAN:

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan -

- a) adakah Kementerian menyedari selain laman pornografi, terdapat laman web dan blog yang memaparkan kaedah lengkap pemprosesan syabu (dadah) termasuk proses teknikal secara virtual yang boleh dimuat turun bila-bila masa dan memberi kelebihan kepada penagih memproses sendiri dadah dengan kos yang minimum; dan
- b) apakah tindakan Kementerian dalam memantau laman web dan blog ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menyedari terdapat pelbagai maklumat di internet. Secara amnya, undang-undang berkaitan dengan kawalan pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penjualan dan penggunaan candu dan beberapa bahan termasuk dadah merbahaya seperti termaktub dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah dikuatkuasakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa membantu siasatan pihak berkuasa yang berkaitan termasuk PDRM,

sekiranya perkara yang disiasat melibatkan penggunaan tidak wajar rangkaian komunikasi termasuk ~~PEMBERITAHUAN DENGAN PERINTAH MELAWAT~~ telefon PDRM untuk menyekat laman web berkenaan, pihak SKMM akan membantu untuk memberi arahan kepada pihak pemberi perkhidmatan internet (ISP) bagi menyekat capaian kepada mana-mana laman web yang didapati melanggar undang-undang di Malaysia.

SOALAN NO: 36 33

PERTANYAAN JAWABi LISAN

DARIPADA YB ZULKIFLI BIN NOORDIN

TARIKH 7 JUN 2010 (ISNIN)
SOALAN :

YB Zulkifli bin Noordin [Kulim I Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan menyedari baha/anya kes membabitkan hukum-hakam dan perundangain Islam (iiputuskan oleh Mahkamah Sivil berdasarkan undang-und&ng sivil; can
- (b) apakah Kerajaan bercadang meriinda Akta Mahkamah Keadilan (*Court of Judicature Act*) juntuk mernasukkan peruntukan memastikan Mahkamah Sivil hendafclah men berkaitan sesuatu isu imelibatka tersebut hendaklah mengikat Mahk juk kepada Mahkamah Syariah i agama Islam dan keputusan amah Sivil dan dipatuhi.

JAWAPAN: YB Dato⁵ Seri Mohamed N azri bin Abdul Aziz

Tuan yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan menyedari perkara yang dibangkitkan oleh YB Kulim Bandar Baru. Ini memandangkan terdapatnya beberapa kes yang

melibatkan hukum Syarak yang telah didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi sivil, sebagai contoh kes G Rethinasamy v Majlis Ugama Islam, Pulau Pinang Dan Satu Yang Lain [1993] 2 MLJ 166 yang melibatkan isu tanah Rosmawati Sharibun & Anor [2007] 5 CLJ 253 yang melibatkan isu hibah.

Walau bagaimanapun, dalam kehakiman di Malaysia, ia terbsi perundangan civil (mahkamah Syariah). kon

teks sistem perundangan dan hagi kepada dua sistem, iaitu divil) dan perundangan Syariah

Setiap mahkamah mempunyai bida diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang lain yang berkaitan

Fasal (1A) Perkara 121 ng kuasa yang tertentu yang teiah Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Persekutuan

memperuntukkan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah. Perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah adalah sebagaimana yang terkandung dalam butiran I Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan termasuklah dari segi penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak. Walau bagaimanapun, bidang kuasa mahkamah Syariah juga tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah

(Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [*Alfta* 355] dan terhad kepada orang Islam sahaja.

Justeru, apa-apa perkara yang tiada dalam bidang kuasa mahkamah ikamah civil. Walaupun terdapat Syariah, akan diputuskan oleh mahkamah civil yang membabitkan hukum-hukum dan perundangan Islam yang diputuskan oleh mahkamah civil, ini tidak bermakna hakim mahkamah civil tersebut tidak dengan perundangan Syariah.

Peka Di samping itu, Kerajaan ada ke semasa sentiasa meneiti dari sem

dan menyemak undang-undang seiaia ada bagi memastikan ia insip hukum Syarak. Sekiranya benar-

benar menepati kehendak dan perintah p

didapati bercanggah dengan kehendak hukum Syarak, pindaan yang sewajarnya akan dilakukan terhadajD undang-undang tersebut. Begitu juga dalam penggubalan: sesuatu undang-undang, khususnya yang melibatkan undang-undang civil, Ke rajauan akan sentiasa memastikan bahawa undang-undang tersebut bertujuan untuk menjamin keadilan, memelihara keamanan dan hak-hak individu sama ada orang Islam atau bukan Islam, serta menepati prinsip hukum Syarak.

Berkenaan dengan pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] (*Court of Judicature Act 1964*) untuk memastikan Mahkamah Civil me berkaitan dengan sejumlah isu keputusan tersebut hendaklah dipatuhi, pihak Kerajaan melalui memasukkan peruntukan bagi ujuk kepada Mahkamah Syariah melibatkan agama Islam dan mengikat Mahkamah Civil dan Jabatan Peguam Negara sedang

membuat suatu kajian yang mendalam dan menyeluruh mengenai perkara ini, yang merangkumi -

diputuskan oleh Mahkamah

Persekutuan mengenai isu konflik bidang kuasa;

- (i) kes-kes yang telah
- (ii) kategori kes yang perlu dirujuk;
- (iii) tatacara amanah di mahkamah sivil dan mahkamah Syariah;
- (iv) hak dan peluang bagi pihak-pihak untuk hadir ke mahkamah Syariah dalam kes yang dirujuk oleh mahkamah sivil; c merayu terhadap keputusan
- (v) hak pihak-pihak untuk mahkamah Syariah;
- (vi) tempoh masa bagi mahkamah Syariah untuk membuat penentuan hukum Syarak bagi sesuatu rujukan; dan
- (vii) berbagai-bagai implikasi undang-undang yang mungkin berbangkit dairipada pintiaan ini.

Dalam menimbangkan keperluan kepada cadangan pindaan ini, perhatian juga diberikan kepada kes-kes autoriti dan undang-undang adikan asas untuk membolehkan sedia ada yang mungkin boleh di rujukan dilakukan dalam kes-kes tertentu yang memerlukan penentuan status agama Islam seseorang pemohon di mahkamah sivil.

Dalam membuat kajian tersebut, memastikan bahawa cadangan Jabatan Peguam Negara akan oindaan tersebut adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dengan mengambil kira

pendekatan dari hukum Syarak dan juga keadilan bagi semua pihak.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 39

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH 7 JUN 2010

RUJUKAN 2675

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mendedahkan arahan yang terkandung dalam Inspector General's Standing Orders (IGSO) berhubung dengan penggunaan senjata api oleh pihak polis dalam waktu bekerja. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit

Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kementerian pada masa ini belum bercadang untuk mendedahkan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) kepada umum memandangkan Panel Khas yang ditubuhkan oleh kementerian sedang meneliti IGSO dalam usaha mengemaskini peraturan berkenaan.

Walau bagaimanapun, kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk mendedahkan IGSO yang telah dikemaskini kepada umum pada masa akan datang.

NO. AUM : 40

NO. AUP :3£

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	
DEWAN	RAKYAT
PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]
TARIKH	7 JUN 2010
RUJUKAN	2676

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Parlimen dimaklumkan pada Oktober 2009 yang lalu, terdapat 7 perkara dalam Laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia yang tidak dilaksanakan oleh PDRM

(a)adakah kerana kegagalan melaksanakan saranan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM telah mengakibatkan tindak tanduk segelintir Pegawai dan Anggota PDRM makin dilihat tidak mencapai tahap profesional yang diharapkan oleh Malaysia; dan

(b) apakah kekangan yang menyebabkan cadangan dan saranan-saranan tersebut tidak dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Bagi menjawab soalan (a), adalah tidak nafikan ada segeiintir anggota polis yang tidak menunjukkan tahap profesionalisme seperti yang diharapkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun keadaan ini tidaklah menggambarkan tahap profesionalisme sebenar anggota- anggota polis secara keseluruhannya dan ia bukanlah disebabkan oleh sebahagian syor Suruhanjaya Diraja berkenaan yang tidak dilaksanakan oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian dan PDRM memandang serius keadaan ini dan langkah-langkah penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan prestasi dan tahap profesionalisme anggota-anggota PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, terdapat tujuh (7) syor Suruhanjaya Diraja yang tidak dilaksanakan oleh kerajaan kerana:

- a) Kod etika PDRM yang sedia adalah memadai dan merangkumi kesemua aspek nilai-nilai murni sejagat, moral dan prinsip

profesionalisme PDRM.

- b) Perkataan pasukan perlu dikekalkan kerana ia menggambarkan satu agensi penguatkuasa yang mempunyai pelbagai peranan yang mana prinsip dan autoriti adalah '*inherent*'.
- c) Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) yang merangkumi kesemua agensi penguatkuasa di negara ini termasuklah PDRM.
- d) Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) adalah prosedur tetap tatacara dan *tradecraft* pelaksanaan tugas rahsia PDRM dan tidak boleh dijadikan sebagai undang-undang subsidiari di bawah Akta Polis 1967.
- e) Pindaan Akta Pencegahan Rasuah 1997 bukanlah di bawah bidang kuasa PDRM. Walau bagaimanapun kerajaan telah membuat pindaan terhadap akta berkenaan melalui pewujudan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- f) Tahap akauntabiliti Cawangan Khas adalah selaras malah lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahap akauntabiliti dan profesionalisme negara-negara lain; dan
- g) Kerajaan sedang mengkaji cadangan pewujudan tiga jawatan Penolong Ketua Polis Negara bagi menggantikan cadangan pewujudan dua jawatan Timbalan Ketua Polis Negara (TKPN), dan perkara ini akan

diumumkan sedikit masa lagi.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIAMEN KE DUA
BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' HENRY SUM AGONG
(LAWAS)**

TARIKH : 7.6.2010

SOALAN : 36

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wiayah menyatakan sama ada bekalan lampu jalan ke kampung- kampung di luar bandar diteruskan. Jika ya, bilakah program ini dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya.

JAWAPAN :

Program pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wiayah (KKLW) merupakan program ‘one-off’ melibatkan pemasangan sehingga

maksima 10 unit lampu bagi sebuah kampung dan kos operasi serta penyelenggaraan ditanggung oleh Kerajaan secara berterusan. Rasional

pelaksanaan program LJK ialah bertujuan untuk menceriakan kawasan liputan supaya kegiatan ekonomi, sosial dan riadah dapat dijalankan pada waktu malam dengan selesa dan selamat. Ianya dipasang di tiang elektrik sedia ada seperti di hadapan balai raya, rumah ibadat serta persimpangan jalan.

Sehingga 31 Mei 2010, sejumlah 167,521 unit LJK telah siap dipasang diseluruh negara iaitu 129,260 unit di Semenanjung Malaysia, 19,927 unit di negeri Sabah dan 18,334 unit di negeri Sarawak dan melibatkan 26,430 kampung di seluruh negara.

Kementerian merancang untuk meneruskan pemasangan LJK di seluruh negara dalam tempoh RMK-10 sehingga semua kampung tradisional dan kawasan penempatan di kawasan luar bandar dipasang dengan lampu jalan di bawah program LJK KKLW. Kementerian yakin akan dapat menyiapkan pemasangan LJK di semua kampung sebelum akhir tahun 2015.

NO. AUM : 42

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]

TARIKH 7 JUN 2010

RUJUKAN 2677

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kadar terkini bagi kes kecurian kereta dalam negara ini sejak tiga tahun yang lalu dan apakah strategi Kementerian yang terkini bagi menghadapi masalah kecurian kereta yang semakin kronik di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Nibong Tebal yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kadar kecurian kereta di negara ini bagi tempoh tiga tahun yang lepas

adalah sebanyak 12,428 kes pada tahun 2007, 15,198 kes pada tahun 2008 dan 13,888 kes pada tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Antara strategi dan pendekatan yang diambil oleh PDRM bagi menangani masalah kecurian kereta adalah seperti berikut:

- (1) Menambah kekuatan keanggotaan PDRM (*Vehicle Theft Task Force*) serta melancarkan operasi-operasi melibatkan kumpulan sindiket curi kenderaan.
- (2) Mewujudkan serta meningkatkan lagi kerjasama polis Malaysia dengan polis negara-negara luar terutama negara jiran yang bersempadan bagi kes penyeludupan kenderaan ke luar negara.

Memperingkatkan lagi kawalan di laut, udara dan darat terutama negara yang bersempadan dengan Malaysia.

Menganjur pelbagai kempen kesedaran kepada orang ramai dari masa ke semasa berkaitan keselamatan kenderaan serta memberi input berkaitan bagi mencegah dari berlakunya kecurian kenderaan.

Mengadakan kerjasama dengan semua jabatan kerajaan dan swasta bagi memberi kesedaran tentang kepentingan peranan mereka dalam mencegah kecurian kenderaan melalui penyediaan prasarana yang boleh membantu mengelak berlakunya kecurian kenderaan seperti menyediakan tempat letak kereta yang mempunyai pengawal, dilengkapi lampu, sistem *scan* masuk dan keluar, tempat letak kereta bawah tanah

serta menyediakan kunci tambahan kepada semua kakitangan.

Bagi tahun 2010, pihak PDRM telah mengambil pendekatan serius dengan melancarkan operasi '*Ops Lejang*' secara besar- besaran di seluruh negara bagi membentras kecurian kenderaan sepanjang tahun.

Font: Arial (16)

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

**YB TUAN MOHD NASIR BIN
ZAKARIA**

(PADANG TERAP)

**DARI PADA
TARIKH**

7.6.2010

SOALAN

39

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wiayah

menyatakan senarai jalan-jalan kampung di Parlimen Padang Terap yang termasuk dalam program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah aktiviti pembangunan prasarana luar bandar bagi tahun 2010 dan nyatakan berapa anggaran peruntukan yang disediakan untuk Padang Terap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Projek Jalan Kampung (PJK) tidak termasuk dalam komponen Program Transformasi Kerajaan (GTP). Apa yang ada ialah Jalan Luar Bandar (JALB) yang termasuk dalam komponen *National Key Result Area* (NKRA) di bawah Infrastruktur Asas Luar Bandar.

Bagi tahun 2010, peruntukan untuk projek jalan kampung bagi daerah Padang Terap ialah sebanyak RM100,000.00. Terdapat juga satu projek Jalan Luar Bandar (JALB) dibawah NKRA yang sedang dilaksanakan di Padang Terap iaitu projek menggantikan lapan (8) buah jambatan Jalan Naka/Nami dengan siling projek berjumlah RM 18,500,000.00.

SOALAN NO: 4 A

PARLIMEN MALAYSIA

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN**

DARI PADA

**Lisan Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab.
Rahman (Pengkalan Chepa)**

TARIKH

7 Jun 2010

SOALAN

Y.B Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman

(Pengkalan Chepa) minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan apakah ada perancangan yang
spesifik dalam bentuk dasar-dasar yang
praktikal bagi memastikan sektor pertanian
(yang dilihat sebagai sektor yang paling tidak
produktif berbanding dengan sektor-sektor
lain) supaya tidak tercicir dan terus berdaya
saing apabila terlaksana sepenuhnya Model
Ekonomi Baru.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam memastikan sektor agro makanan terus berdaya saing dan dapat turut sama memainkan peranan mencapai matlamat Model Ekonomi Baru (MEB). Kementerian sedang menggubal Dasar Pertanian Negara Keempat yang di antara lainnya mengandungi strategi berikut:

- (i) Penekanan kepada pertanian bernilai tinggi. Produk-produk bernilai tinggi yang telah pun dikenal pasti termasuklah cendawan, herba, rumpai laut dan burung walit di samping industri florikultur dan ikan hiasan untuk pasaran tempatan dan eksport;
- (ii) Mengambil peluang daripada keperluan pengguna sekarang dan masa hadapan yang semakin peka terhadap diet yang sihat dan berkhasiat, di samping mengambil kira cita rasa mereka dengan mengeluarkan hasil dan produk yang selamat, berkualiti dan berkhasiat supaya pengeluar memperoleh harga yang menguntungkan. Corak pemakanan yang sihat seperti sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan akan dipromosikan di samping industri kesihatan berasaskan pertanian seperti produk herba, *functional food* (contoh telur omega 3), minyak pati dan lain-lain;
- (iii) Mempergiatkan sistem pertanian berintensif teknologi dan inovasi yang mesra alam bagi meningkatkan pengeluaran,

produktiviti dan daya saing. Dalam hubungan ini, pemberian insentif yang lebih berkesan dan menarik sedang dikaji bagi menggalakkan pihak swasta melabur dalam teknologi jimat buruh serta menjana dan memperoleh teknologi yang baru muncul (*leading edge technology*)]

- (iv) Membangunkan sumber manusia yang berkualiti dalam sektor agro makanan. Penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran petani, penternak dan nelayan terus dititik beratkan supaya dapat menerima pakai penemuan- penemuan penyelidikan, melaksanakan langkah sanitari dan fitosanitari serta amalan pertanian yang baik. Selain itu, pegawai-pegawai pengembangan yang berurusan secara langsung dengan kumpulan sasar juga ditingkatkan komitmen dan kompetensi mereka;
- (v) Mengamalkan pertanian secara mampan dengan menggalakkan amalan kitar semula bahan sampingan dan tinja serta memastikan input-input pertanian digunakan secara bijak dan berkesan; dan
- (vi) Mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pihak swasta dan kumpulan sasar. Dalam hubungan ini struktur dan peranan institusi agensi sedang disusun dan diselaraskan untuk mengelakkan pertindihan fungsi.

Pelaksanaan strategi-strategi ini akan memastikan bahawa sektor agro makanan akan terus bersaing dan tidak tercincir apabila terlaksana Model Ekonomi Baru.

bk-M1

PEMBERITAH
UAN
PERTANYAA
N BAGI
JAWAB
PERTANYAA
N
LISAN
DEWAN
RAKYAT
MALAYSIA DARIPADA : YB DR. MUJAHID BIN HAJI JAWAB LISAN

YUSOF RAWA

TARIKH 7 JUN 2010

SOALAN : YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

J J [PARIT BUNTAR] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah ada perpindahan dasar luar
negara terhadap Republik Islam Iran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

N : 8JUN 2010

DARIPADA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
UUMPAT] minta MENTERI LUAR
NEGERI

TARIKH : menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah Kerajaan untuk menggerakkan lagi

SOALAN hubungan dua hala antara Malaysia dan Iran.
JAWAB LISAN

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar di atas soalan yang dikemukakan.

2. Tuan Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya saya ingin memohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tumpat yang dijadualkan pada 8 Jun 2010 oleh kerana soalan-soalan ini berkisar mengenai hubungan dua hala Malaysia dan Republik Islam Iran.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Islam Iran berada pada tahap yang baik dan akrab. Malaysia dan Republik Islam Iran saling bekerjasama bagi memperkuatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pembinaan infrastruktur, kewangan dan perbankan, kerjasama teknikal dan bina upaya, peiancongan, pengangkutan, pendidikan, sains dan teknologi serta penerangan.
4. Dari segi perdagangan pula, Republik Islam Iran merupakan antara rakan dagangan utama Malaysia di rantau Timur Tengah dengan jumlah dagangan dua hala sebanyak RM3.52 bilion pada tahun 2009.
5. Malaysia juga giat bekerjasama dengan Republik Islam Iran di arena antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Kumpulan 8 Negara-negara Membangun (D8).

6. Antara langkah-langkah dan tindakan yang diambil untuk memperkuatkan lagi hubungan dua hala Malaysia - Iran adalah dengan menggalakkan pertukaran lawatan dua hala peringkat tertinggi di antara para pemimpin, anggota-anggota kanan kerajaan dan pentadbiran; memperkuatkan hubungan dagangan dua hala dengan mempelbagaikan komoditi eksport dan import; kerjasama yang lebih jitu di antara ahli-ahii perniagaan kedua-dua buah negara; menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia menyertai projek pembinaan infrastruktur di Iran; menjalinkan kerjasama teknikal dan daya upaya; mengadakan promosi bagi menarik lebih ramai pelancong dan pelajar dari Iran untuk melawat serta melanjutkan pengajian tinggi di Malaysia; meningkatkan kerjasama di dalam bidang sains dan teknologi; dan kerjasama dalam bidang penerangan.
7. Sebagai makluman Yang Berhormat juga, bagi menjana dan memperkuatkan lagi hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang, Mesyuarat Suruhanjaya Bersama atau dengan izin, *Joint Commission Meeting* (JCM), telah diguna pakai oleh Malaysia dan Iran sebagai satu mekanisme ke arah ini. Mesyuarat Suruhanjaya Bersama kali ke-7 Malaysia - Iran telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan November 2008.

Sekian, terima kasih.

<u>PERTA RAKYAT</u>	<u>PEMBE RITAHU AN PERTA NYAAN DEWAN RAKYAT</u>	<u>LISAN</u>
	<u>T</u>	<u>YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN</u>
		<u>[KINABATANGAN]</u>
<u>TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT</u>		<u>07 JUN 2010 (ISNIN)</u>
		<u>NO. 42</u>
	<u>SOALAN</u>	

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) usaha konkrit Kementerian dalam memastikan bekalan elektrik mencukupi tanpa terlalu besar kekerapan gangguan terutamanya di negeri Sabah; dan

- (b) langkah-langkah proaktif Kerajaan dalam mencari pendekatan baru bagi tujuan bekalan tenaga yang mencukupi serta lebih efisien, mesra alam dan murah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Masalah bekalan elektrik di Sabah merupakan masalah yang kompleks yang memerlukan penyelesaian menyeluruh dan bersifat jangka panjang bagi menanganinya. Sehubungan dengan itu, Kementerian saya bersama dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut bagi menangani masalah bekalan elektrik di negeri Sabah iaitu:-

a) Langkah-Langkah Jangka Pendek

- i. Menempatkan set-set generator mudah alih berkapasiti 60 MW, iaitu 20 MW di Pantai Barat dan 40 MW di Pantai Timur pada tahun 2009. Tambahan set generator berkapasiti 20 MW di POIC Lahad Datu, Sabah akan beroperasi sepenuhnya pada pertengahan Jun 2010;
- ii. Melaksanakan inisiatif-inisiatif *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) yang anggaran perbelanjaan sebanyak RM419 juta yang bertujuan untuk menurunkan SAIDI di Sabah ke 700 minit/pengguna/tahun pada akhir tahun 2010;
- iii. Pembaikpulihan dan penyenggaraan set-set generator yang lama dan usang; dan
- iv. Pemantauan projek penjanaan yang diluluskan dengan lebih ketat. Pada 6 Mac 2010, unit pertama tarbin gas stesen jana kuasa Ranhill Powertron II berkapasiti 65 MW telah berjaya memulakan

tugas dan
unit kedua tarbin gas berkapasiti 65 MW lagi akan bermula tugas
pada bulan Julai 2010;

b) Langkah-Langkah Jangka Sederhana Dan Panjang

- i. Mengukuhkan kapasiti penjanaan sedia ada dan meningkatkan kapasiti penjanaan untuk masa depan dengan melaksanakan rancangan *planting-up* berpandukan Pelan Induk Pembangunan Bekalan Elektrik Bersepadu Sabah; dan
- ii. Menaik taraf infrastruktur penghantaran dan pembahagian yang berkaitan dengan projek penjanaan, pertumbuhan beban di pusat-pusat beban, keperluan litar kedua dan keperluan peningkatan sistem bagi mengelak beban lampau semasa berlaku gangguan.

Bagi menjamin bekalan tenaga yang lebih mesra alam, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Lima Bahan Api pada tahun 2001 bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu (RE) serta mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil. Di bawah Dasar ini, Kementerian telah melaksanakan program *Program Small Renewable Energy Power* (SREP) dimana pemaju yang berminat untuk menjana elektrik daripada RE termasuk daripada sumber biomas, biogas, sisa pepejal dan mini-hidro untuk dijual ke grid boleh berbuat demikian. Selain itu Kerajaan juga telah melaksanakan program Malaysian Building Integrated

Photovoltaics (MBIPV) dan Projek *Biomass Based Generation and Cogeneration* (BIOGEN) dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) serta menawarkan pelbagai insentif fiskal untuk pemaju RE.

Untuk menggalakkan lagi penggunaan sumber RE untuk penjanaan elektrik di negara ini dengan lebih pesat, Kementerian akan memperkenalkan Dasar Dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu yang baru bermula pada tahun 2011. Ia merangkumi pelaksanaan mekanisme FiT dimana pelaksanaan mekanisme ini akan dapat membantu meningkatkan *viability* bagi penggunaan sumber RE di negara ini dan seterusnya meningkatkan lagi penggunaannya di masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi penjanaan elektrik daripada sumber RE buat masa ini masih tinggi serta kecekapannya (*efficiency*) masih lagi rendah berbanding dengan bahan api fosil memandangkan ia menggunakan teknologi baru yang lebih mesra alam. Walau bagaimanapun, perkembangan pesat dalam teknologi RE akan memacu penurunan kos pembangunan RE serta kecekapan sistem janakuasa RE dari masa ke semasa sehingga ia mencapai tahap yang paling optimum dimasa akan datang. Pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan RE yang baru ini dijangka akan membantu mempercepatkan proses ini dengan mewujudkan pasaran tempatan bagi RE serta meningkatkan aktiviti R&D RE tempatan. Pada masa ini terdapat 4 projek SREP sedang beroperasi di Negeri Sabah dengan jumlah kapasiti sebanyak 32MW.

NO. AUM : 48

NO. AUP : 4*3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN TONY PUA KIAM WEE
 [PETALING JAYA UTARA]
TARIKH 7 JUN 2010
RUJUKAN 2678

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab 15,000 Al-Kitab yang dirampas oleh Kerajaan pada tahun 2009 akan dimusnahkan dan tidak disebaliknya dipulangkan kepada penganut Kristian Sidang Injil Borneo (SIB) demi hak kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yan^,
mengemukakan pertanyaan.

Sebenarnya jumlah naskhah *Al-Kitab Berita Baik* yang ditahan
pengimportannya adalah sebanyak 5100 naskhah. Notis telah
dikeluarkan kepada pengimport untuk menuntut naskhah *Al-Kitab*
tersebut namun sehingga kini pengimport masih gagal berbuat
demikian. Penerbitan tersebut masih disimpan dengan baik di pejabat
KDN Cawangan Pelabuhan Kelang walaupun jangka masa untuk
pengimport untuk membuat tuntutan telahpun tamat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA PER
TARIKH TAN
YA
AN**

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

07.06.2010 (ISNIN)

NO. SOALAN

**LISA
N**

**Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan produk-produk IKS yang dikeluarkan oleh
penduduk negeri Kelantan yang dapat dipasarkan di**

peringkat antarabangsa.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Banci Pertubuhan dan Enterpris yang dilaksanakan pada tahun 2005, sebanyak 35,801 svarikat Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) beroperasi di negeri Kelantan, merangkumi 6.5% daripada keseluruhan PKS di Malaysia dengan sebahagian besarnya terlibat dalam sektor perkhidmatan.

Sehingga kini, hanya 5.2 peratus PKS Kelantan terlibat dalam sektor perkilangan dengan mengeluarkan produk-produk berasaskan kraftangan seperti batik dan barang pertukangan perak serta produk makanan iaitu sos cili, sos tomato, sos pencicah, budu dan makanan kering seperti keropok dan kuih tradisional.

Buat masa ini, pasaran produk PKS Kelantan adalah kepada negara-negara Asia Tenggara yang berjiran seperti Brunei dan Singapura yang mana antara produk utama yang dieksport adalah produk makanan dan tekstil. Di samping itu, Timur Tengah juga telah dikenalpasti sebagai pasaran yang

berpotensi untuk produk PKS Kelantan antaranya yang berasaskan seni kraftangan logam.

Kerajaan akan terus menyediakan pelbagai bantuan yang sewajarnya dalam memastikan produk-produk keiuaran PKS tempatan berjaya menembusi pasaran antarabangsa yang berpotensi dengan jayanya.Komitmen dan matlamat Kerajaan ini terbukti antaranya di mana PKS Kelantan telah mendapat manfaat daripada skim bantuan kewangan yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia bagi meningkatkan keupavaan dan mengembangkan perniagaan. Sehingga 30 April 2010, sebanyak 185 projek telah diluluskan dengan geran berjumlah RM6.75 iuta. Bagi skim piniaman mudah pula, sebanyak 53 projek telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM37.41 iuta.

Soalan No:

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2010 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
 LISAN
MALAYSIA
PERTANYAAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABD
RAHMAN BIN D AH LAN
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 7 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan
Wiiayah menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk
mengatasi masalah air di Kota Belud sepetimana yang
dijanjikan oleh Perdana Menteri di dalam ucapan Bajet 2010
beliau.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9), Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM1.37 billion untuk program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di mana RM484.02 juta ataupun 35.25% adalah untuk pelaksanaan projek BALB di negeri Sabah.

Sehingga tahun 2009, di Parlimen Kota Belud, sebanyak 4 buah projek telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM5.08 juta yang merangkumi sistem retikulasi dan ianya telah memberi manfaat kepada 1,150 buah rumah di Sabah.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kementerian mensasarkan pencapaian liputan bekalan air sebanyak 90% di negeri Sabah pada akhir tahun 2012. Dalam tempoh tersebut, sejumlah 44 buah projek akan dilaksanakan di Parlimen Kota Belud dengan anggaran kos berjumlah RM126 juta yang akan memberi manfaat kepada 10,774 buah rumah merangkumi projek BALB sistem retikulasi, alternatif dan naiktaraf/bina baru loji. Dengan terlaksananya projek-projek ini, diharap masalah bekalan air di kawasan Parlimen Kota Belud akan dapat diatasi.

SOALAN (46)

PERTANYAAN	PEMBERITAHUA N PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, : LISAN MALAYSIA
TARIKH	7 JUN 2010 (ISNIN)
DARIPADA	Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)
SOALAN	

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS) mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai panel khas dalam memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan terutama pada papan-papan iklan dan papan perniagaan di premis perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai panel khas dalam memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan pada papan-papan iklan dan papan perniagaan di premis perniagaan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan Bahasa Kebangsaan diberi penekanan dalam pemasangan papan iklan dan papan iklan premis perniagaan, KPKT telah menyediakan **Caris Panduan Perancangan Papan iklan Luar pada tahun 2009** dan **Caris Panduan papan iklan Premis Perniagaan pada tahun 2005**. Dalam kedua-dua garis panduan tersebut, semua

Pihak Berkuasa

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

Tempatan (PBT) telah diminta untuk memastikan Bahasa Kebangsaan digunakan dengan betul dan tepat. PBT boleh merujuk kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berhubung penggunaan Bahasa Kebangsaan. Bahasa-bahasa lain selain Bahasa Kebangsaan juga boleh digunakan dalam papan iklan luar dan papan iklan premis perniagaan dengan memenuhi syarat-syarat yang berkaitan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

NO. AUM : 52

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH

7 JUN 2010

RUJUKAN

2679

SOALAN:

Dato⁹ Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara berasingan berapa kes kecurian kabel telefon dan kabel elektrik di kawasan Manjung, Perak bagi tahun 2007,2008,2009 dan 2010 yang menyebabkan perkhidmatan- perkhidmatan telefon dan bekalan elektrik kepada pelanggan- pelanggan terputus.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, mengikut statistik PDRM, jumlah kecurian kabel Telekom dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang di catatkan di daerah Manjung, Perak adalah seperti berikut:-

TAHUN	TELEKOM	TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)
2007	23	3
2008	38	54
2009	44	26
2010 (hingga April)	50	6
JUMLAH	155	89

SOALAN :-53“

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA ~~TUAN WEE CHOO KEONG~~ AB LISAN
DEWAN RAKYAT**

TARIKH 7 JUN 2010

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kawalan-kawalan yang diletakkan oleh Kementerian bagi memastikan pelanggan-pelanggan ASTRO, yang merupakan sebuah monopoli, tidak dibebankan dengan yuran langganan bulanan yang melampau, memberi rebat kepada pelanggannya semasa tiada resepsi waktu hujan dan juga sama ada ASTRO memerlukan kelulusan Kementerian ketika ia menaikkan yuran langganan bulanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. (ASTRO) sebagai pemegang lesen yang memberikan perkhidmatan penyiaran berbayar, perlu mematuhi prinsip-prinsip penetapan kadar harga langganan yang ditetapkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Dari sudut kenaikan harga langganan, setiap kenaikan harga dianalisa oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memastikan ia adalah tindakan yang wajar dan munasabah, berasaskan kos yang ditanggung oleh pemberi perkhidmatan dan tidak hanya bermotifkan keuntungan semata-mata.

Sehingga Mac 2010, terdapat tujuh (7) pemberi perkhidmatan TV berbayar yang telah diberi lesen untuk menyediakan siaran TV berbayar, selain daripada Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. (ASTRO). Namun begitu, pada masa ini, ASTRO adalah penyiar siaran langganan terbesar di Malaysia. Walau bagaimanapun, pengawalan untuk memastikan pengguna dilindungi dijalankan secara berterusan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat berkaitan rebat, Kementerian amat mengalu-alukan cadangan bernes dalam memastikan hak pengguna terjamin dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, perkara tersebut akan dikaji dan dipertimbangkan di pihak Kementerian untuk kepentingan semua pihak.

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
 [LIMBANG]
TARIKH 7 JUN 2010
SOALAN

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan janji-janji untuk membina klinik-klinik Desa di Medamit, kampung Telahak dan Long Napir di daerah Limbang yang telah diluluskan menyediakan kereta khas untuk membawa pulang pesakit yang meninggal dunia di Miri, membina klinik Pakar Asas dan menyediakan ahli pakar yang tetap di Hospital Limbang.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan (KK) Nanga Medamit dan Klinik Kesihatan Telahak telahpun dipohon dalam Fasa Pertama Rancangan Malaysia ke-10 (*1st Rolling Plan RMK-10*) yang sedang berada di peringkat kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Bagi Kinik Kesihatan Long Napir pula pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak merancang untuk memohon pembinaan klinik ini dalam Fasa Kedua RMK-10.

Mengenai perkhidmatan membawa pulang pesakit yang meninggal dunia di Hospital Miri ke Limbang, Kementerian telah meluluskan sebuah van jenazah dengan anggaran kos berjumlah RM110,000 bagi tujuan tersebut. Perolehan van akan diuruskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dalam masa terdekat.

Pembangunan Perkhidmatan Pakar di Hospital Limbang telah dicadangkan dalam fasa pertama Rancangan Malaysia ke-10. Klinik Pakar Asas yang dicadangkan di Hospital Limbang akan menyediakan kemudahan perkhidmatan klinik pakar setempat dan perkhidmatan klinikal sokongan seperti makmal pengimejan diagnostik dan farmasi, 2 Dewan Bedah, ICU, SCN, wad pemerhatian dan *Day Care Surgery*. Pelaksanaan cadangan ini bergantung kepada kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Soalan No:-S^<7j

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAカン - BN]

TARIKH 7 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN NO. 51

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan - BN] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) Sejauh manakah kemajuan bola sepak negara dalam tempoh 5 tahun ini; dan
- (b) apakah langkah holistik yang telah dan akan terus di ambil oleh pihak Kementerian bagi memperbaiki kedudukan ranking dunia pasukan bola sepak negara yang kini di tahap 158.

1AWAPAN

1. Pencapaian dan prestasi pasukan bola sepak negara di peringkat senior bagi tempoh 4 tahun yang lalu adalah kurang membanggakan. Namun begitu, keputusan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk menaik taraf Skuad Bawah 23 Tahun sebagai Skuad Senior Kebangsaan bermula tahun lalu merupakan langkah yang terbaik kerana barisan muda tersebut mempunyai prestasi yang konsisten berbanding pemain-pemain senior yang beraksi dalam Liga Malaysia. Berdasarkan ranking dunia, pasukan negara di kedudukan ke-146 dunia berbanding kedudukan ke-159 pada tahun 2007.
2. Penubuhan Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara dengan suntikan dana permulaan sebanyak RM10 juta adalah bagi merangka dan melaksanakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara bermula di peringkat akar umbi hingga ke peringkat senior kebangsaan. Kini, Jawatankuasa Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Y.B. Dato' Razali Hj. Ibrahim sedang menilai pelan jangka pendek dan jangka panjang sebelum dilaksanakan.
3. Di samping itu, pihak FAM juga telah pun merangka beberapa perlawanan persahabatan antarabangsa sebagai persiapan skuad kebangsaan menghadapi temasya Sukan Asia, Guangzhou pada November 2010 dan Piala Suzuki AFF di Indonesia dan Vietnam pada bulan Disember 2010 serta Kelayakan Olimpik pada tahun 2011.

MJ. S>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM

KAWASAN SEPUTEH

TARIKH NO. 07.06.2010 (ISNIN)

SOALAN

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan setakat tahap manakah industri automobil kita
mencapai standard AFTA. Apakah dasar Kerajaan terhadap
pelabur automobil negara asing yang ingin menubuhkan kilang
pembuatan kenderaan di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Komitmen negara di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah berkaitan liberalisasi tarif import. Seterusnya, bermula 1 Januari 2010, Malaysia telah menghapuskan duti import ke atas semua produk termasuk sektor automotif kecuali bagi produk tembakau, beras dan beberapa buah-buahan tropika. Duti import bagi tembakau dan buah-buahan tropika dikekalkan pada kadar 5 peratus. Manakala untuk beras dan produk beras duti import dikekalkan pada kadar 20 peratus. Tiada standard yang diperkenalkan bagi industri automobil di bawah AFTA selain daripada standard antarabangsa. Pengimportan boleh mendapat konsesi tarif AFTA sekiranya ia memenuhi syarat *Rules of Origin* iaitu *Regional Value Content* 40 peratus.

Dasar Kerajaan berhubung pelabur automobil negara asing yang ingin menubuhkan kilang pembuatan kenderaan di Malaysia termaktub di dalam Dasar Automotif Nasional (NAP) yang telah diperkenalkan pada 22 Mac 2006. Kajian semula ke atas NAP diumumkan pada 28 Oktober 2009 dan dilaksanakan pada 1 Januari 2010.

Antara langkah-langkah berkaitan dengan dasar ini adalah penarikan semula pembekuan Lesen Pengilang (ML) bagi segmen automotif

terpilih yang dikenalpasti sebagai strategik dan berimpak tinggi kepada ekonomi negara. Segmen-segmen automotif yang terlibat adalah seperti berikut:

- kereta mewah berkapasiti enjin 1,800 c.c dan ke atas dengan harga atas jalan tidak kurang daripada RM150,000;
- kenderaan hibrid dan elektrik;
- kenderaan jenis *pick up*;
- kenderaan perdagangan; dan
- motosikal berkapasiti enjin 200c.c dan ke atas.

Pengeluaran Lesen Pengilang baru bagi segmen-segmen ini juga tidak dikenakan syarat ekuiti.

Dasar dan langkah-langkah di bawah kajian semula NAP bertujuan memberi sumbangan bermakna kepada keseluruhan pembangunan industri dan negara. Penekanan diberi bagi

menarik pelaburan terutamanya pelaburan asing dalam aktiviti pengilangan bernilai tambah tinggi yang menggunakan teknologi tinggi dan terkini.

Soalan No: 53

DARIPADA **PEMBERITAHUAN
DEWAN
PERTANYAAN TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)
DEWAN RAKYAT,
PERTANYAAN MALAYSIA**

TARIKH 07.06.2010

SOALAN NO 53

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan apakah langkah dalam memastikan polisi baru insurans kemalangan dapat membela kepentingan rakyat dan Kerajaan memandangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah lebih berpihak kepada syarikat insurans yang inginkan Kerajaan menanggung liabiliti.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan perlindungan insurans motor pihak ketiga. Sebaliknya, Kerajaan sedang dalam proses mempertimbangkan suatu mekanisme yang sesuai bagi menyediakan perlindungan bagi kecederaan dan kematian pihak ketiga (*"Third Party Bodily Injury and Death", TPBID*) yang dapat diperolehi oleh pemilik kenderaan pada premium yang berpatutan. Ini adalah ekoran rungutan pemilik kenderaan yang menghadapi kesukaran untuk mendapat perlindungan berkenaan.

2. Dalam mempertimbangkan Skim yang baru, Kerajaan akan berpandukan beberapa prinsip dasar seperti berikut:

- (i) memastikan ketersediaan perlindungan asas untuk pemilik kenderaan;
- (ii) perlindungan adalah pada premium yang berpatutan (tidak membebankan rakyat); dan
- (iii) penyelesaian tuntutan yang lebih efisien.

3. Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan Kementerian Kewangan telah mengadakan sesi-sesi perundingan awal dengan pihak berkepentingan berhubung opsyen-opsyen pelaksanaan awalan bagi skim TPBID pada April 2010. Suatu kertas perbincangan yang menerangkan rasional, prinsip panduan, objektif dan cadangan rangka atau komponen skim baru ini juga telah disiarkan dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia pada 23 April 2010 untuk mendapatkan maklumbalas orang ramai berhubung cadangan tersebut.

4. Bank Negara Malaysia telah menerima pelbagai maklum balas, yang kesemuanya akan diberi perhatian dalam usaha lanjut Bank Negara Malaysia merangka serta mencari satu penyelesaian yang menyeluruh untuk memastikan perlindungan insurans yang secukupnya bagi pemilik kenderaan dan orang ramai pada kadar premium yang berpatutan. Bank Negara Malaysia juga akan bekerjasama dengan pihak serta agensi yang berkenaan bagi memperbaiki keseluruhan proses tuntutan insurans. Mekanisme penyediaan TPBID yang baru hanya akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan setelah semua usaha di atas selesai dijalankan.

MT: £Y-

<u>PEMBERITAHU</u>	
<u>AN</u>	
<u>PERTANYAAN</u>	
<u>DEWAN</u>	LISAN
<u>RAKYAT</u>	
DARIPADA	YB. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITING AN
	[KENINGAU]
TARIKH JAWAPAN	07JUN 2010 (ISNIN)
DI DEWAN	
RAKYAT	
SOALAN	NO. 54

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sama ada Kerajaan ada mengambil kira pandangan ramai yang tidak bersetuju dengan "coal-fired plant" di Sabah dan kalau ya apakah pula langkah-langkah yang pasti akan diambil untuk mencegah pencemaran daripada berlaku dan menjelaskan persekitaran alam semula jadi di masa hadapan.

TAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sangat prihatin terhadap keperluan dan kehendak rakyat jelata dan

sentiasa mengambil berat berkenaan pandangan dan kritikan rakyat, seperti mana konsep 1 Malaysia, iaitu Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Dalam merangka rancangan dan mengatur langkah untuk mengatasi masalah bekalan elektrik yang kritikal di Sabah, terutamanya di Pantai Timur, Sabah, Kerajaan sanggup berbelanja besar untuk mendalami pelbagai pendekatan mengenai bahan api untuk menjana elektrik. Daripada pendapat dan syor pakar-pakar dalam bidang penjanaan elektrik, loji jana kuasa berasaskan arang batu telah dikenal pasti sebagai bahan api yang paling ekonomi dan sesuai digunakan untuk menjana elektrik yang mana kos penjanaan elektriknya adalah paling mampu ditanggung oleh rakyat jelata Sabah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih mengutamakan maklum balas rakyat berkenaan pembinaan loji jana kuasa berasaskan arang batu tersebut. Atas bantahan rakyat setempat, Kerajaan telah memindahkan lokasi pembinaan loji tersebut dari Silam, Lahad Datu ke *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC), Sandakan dan akhirnya ke Felda Selatan, Lahad Datu yang tidak melibatkan ramai penghuni.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Terms Of Reference* (TOR), dengan izin, bagi laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) terperinci bagi projek loji jana kuasa 300 MW di Pantai Timur Sabah telah dipamerkan pada 8-21 Mac 2010 di beberapa akhbar tempatan dan juga beberapa lokasi yang lain, seperti Perpustakaan, Majlis Daerah, Pejabat Daerah Lahad Datu dan sebagainya untuk komen orang awam. Sehingga tarikh tutup pada 4 April 2010, hanya organisasi *Land Empowerment Animals People*, dengan izin, yang

menghantar komen. Laporan

Detailed Environment Impact Assessment (DEIA), dengan izin, telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya pada 26 Mei 2010 dan keputusannya dijangka akan dikeluarkan dalam masa beberapa bulan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, loji jana kuasa berasaskan arang batu 300 MW di Pantai Timur Sabah akan menggunakan *Clean Coal Technology*, dengan izin, seperti yang sedang diguna pakai di loji-loji jana kuasa arang batu di Semenanjung Malaysia yang terbukti mesra alam dan bertaraf dunia.

SOALAN NO: St
PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN
	Y.B. Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] 7 Jun 2010 [Isnin]
TARIKH SOALAN	Y.B. Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan mengapa Kementerian membenarkan hanya sebuah syarikat memonopoli penjualan benih padi di Kuala Selangor dan menutup pusat proses benih padi di Sungai Burong yang menjejaskan produktiviti padi serta pendapatan

penanam padi yang rata-rata
masih hidup di bawah garis
kemiskinan.

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah melantik 13 syarikat swasta sebagai pengeluar benih padi sah bagi tahun 2010 di seluruh Semenanjung Malaysia. Pelantikan ini adalah berdasarkan kelulusan Jemaah Menteri pada 20 Mac 2009 serta kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) mempunyai kemampuan kewangan;
- (ii) mempunyai kapasiti loji dan peralatan yang mampu memenuhi kuota yang ditetapkan;
- (iii) mempunyai kakitangan yang cukup untuk operasi syarikat;
- (iv) mempunyai kakitangan teknikal yang cukup mahir; dan
- (v) berstatus Bumiputera.

2. Penjualan benih padi di Kuala Selangor dibenarkan kepada kesemua 13 buah syarikat pengeluar bergantung pada permintaan dan bukan hanya sebuah syarikat pengeluar. Pusat pemerosesan

benih padi di Sungai Burong tidak pernah ditutup tetapi operasi pusat berkenaan telah diambil alih oleh MADA daripada Jabatan Pertanian mulai bulan April 2010.

Soalan No: 56f

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU - BN]

TARIKH

7 JUN 2010 (ISNIN)

SOALAN NO. 58

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan keberkesanan program Rakan Muda di sekolah dalam menghasilkan para pelajar berkemahiran selain akademik atau "soft skills".

TAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Rakan Muda Sekolah masih terlalu awal untuk diukur keberkesanannya memandangkan ianya baru sahaja diperkenalkan pada tahun 2009 yang lalu. Namun begitu, pemantauan oleh pihak Kementerian mendapati bahawa program tersebut telah dapat memberi manfaat kepada para pelajar antara lainnya adalah:

1. memberi pendedahan mengenai teknik / kemahiran menunggang motosikal dengan selamat;
2. menerapkan nilai-nilai positif sebagai pengguna jalan raya yang berhemah;
3. memberi pendedahan mengenai kemahiran dan teknik-teknik asas perniagaan / keusahawanan dari peringkat usia muda;
4. meningkatkan jati diri para pelajar dalam memupuk motivasi dan

semangat
patriotik;

Soalan No: 56f

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN memupuk semangat kesukarelawan yang tinggi; meningkatkan kemahiran berfikir secara lebih kreatif dan inovatif; memupuk sensitiviti dan nilai-nilai murni terhadap persekitaran; memupuk semangat kerjasama berpasukan; dan melahirkan rasa tanggungjawab sosial.

SOALAN NO: 58

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI

TARIKH: 7JUN2010

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah peranan sebenar syarikat minuman arak Carlsberg Malaysia dalam PERKESO; dan
- (b) buktikan hasil daripada syarikat minuman arak ini dapat menghalalkan dan membersihkan pekerja-pekerja Islam di PERKESO yang hampir 90 peratus.

PR-1232-L37777

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kedua-dua soalan di atas, Panel Pelaburan PERKESO telah membuat

keputusan untuk menghentikan pelaburan dalam syarikat-syarikat yang berkaitan dengan arak, rokok dan yang berunsur peijudian. Keputusan juga telah dibuat supaya semua saham- saham yang berkaitan dengan perkara di atas dijual. **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<m(7 Jun-13 Julai 10)/fms..25.5.10/fmnrauC.37777